

Modul Kursus Kepimpinan Pelajar UiTM: Impak kepada Pemimpin Mahasiswa di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang

Mohd Kamal Azman Jusoh¹, Mohd Faizal Azrul Azwan Che Harun^{2*}, Norhaslinda Arun³,
Muhammad Zainuddin Mohamed Azudin⁴, Mohd Azharul Azemi⁵, Mohd Risham Jaafar⁶ &
Amar Sharuddin⁷

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia

^{2,4}Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia

³Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia

⁵Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia

⁶Pengajian Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia

⁷Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Jengka 26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia

faizalazrul@uitm.edu.my

*Corresponding Author

Received: 12 January 2024

Accepted: 01 March 2024

Date Published Online: 15 March 2024

Abstrak: Kepimpinan mahasiswa merupakan satu elemen yang penting dalam sesebuah institusi pengajian. Setiap mahasiswa yang dilantik sebagai pemimpin mahasiswa haruslah mempunyai kredibiliti dan sifat sebagai seorang pemimpin yang disegani dan dihormati. Dalam melahirkan pemimpin yang mempunyai daya saing dan pemikiran yang berkelas dunia, Universiti Teknologi MARA melalui Institut Kepimpinan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mewujudkan satu inisiatif dengan memperkenalkan modul kepimpinan pelajar. Modul ini mengandungi tiga modul utama iaitu Modul Kepimpinan Profesional (Ikon), Modul Kepimpinan Profesional (Juara Komuniti), dan Modul Kepimpinan Dinamik. Kajian yang dijalankan ini bertujuan mengkaji impak kandungan program terhadap pemimpin mahasiswa di UiTM Cawangan Pahang. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dan analisa yang digunakan adalah kekerapan dan skor min. Responden yang dipilih adalah mereka yang pernah mengikuti modul ini dan terdiri daripada para pelajar ijazah sarjana muda serta diploma dari Kampus Jengka dan Kampus Raub untuk tahun 2022 dan 2023. Hasil kajian menunjukkan keputusan yang positif dengan skor min keseluruhan bagi kandungan modul dan impaknya terhadap kepimpinan mahasiswa melebihi paras 4.0. Skor min ini menunjukkan responden bersetuju kandungan program ini memberi impak kepada pemimpin mahasiswa di UiTM Cawangan Pahang. Selain itu, Kajian ini juga dilihat mampu membantu bahagian hal ehwal pelajar dalam melahirkan mahasiswa UiTM yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan unggul. Dapatan kajian ini juga mengesyorkan penambahbaikan terhadap modul-modul sedia ada bagi tujuan pemantapan modul pada masa hadapan dan keberhasilan yang relevan bagi mahasiswa UiTM.

Keywords: Kepimpinan, Impak, UiTM, Profesional, Ikon, Dinamik

Pengenalan

Program Kepimpinan Pelajar UiTM merupakan modul yang dibina untuk memberi latihan kepada mahasiswa yang merupakan bakal pemimpin dan pemimpin mahasiswa sedia ada di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Modul ini mengandungi tiga komponen iaitu Modul Kepimpinan Profesional (Juara Komuniti), Modul Kepimpinan Profesional (Ikon) dan Modul Kepimpinan Dinamik. Ketiga-tiga modul ini dibina oleh Jawatankuasa Khas yang telah dilantik oleh Institut Kepimpinan Pelajar (IKP) untuk menggantikan modul kemahiran insaniah yang telah digunakan sebelum ini. Bagi memastikan kesemua modul ini dapat dilaksanakan dengan efektif, setiap kampus cawangan UiTM melalui Unit Kepimpinan Pelajar (UKP) perlu melaksanakannya pada setiap semester yang mana pengisian bagi setiap modul dan kumpulan sasaran adalah berbeza. Penglibatan mahasiswa dalam program ini adalah terbuka dan semua pelajar UiTM yang masih aktif layak untuk menyertainya.

Modul Juara Komuniti adalah program khusus untuk pemimpin-pemimpin mahasiswa daripada persatuan, kelab atau badan beruniform yang berdaftar di UiTM. Modul ini bermatlamat melatih dan membuka minda pemimpin mahasiswa dengan ilmu dan kemahiran kepimpinan diperingkat pengurusan dan profesional. Modul-modul ini juga menekankan aspek-aspek pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan kemahiran berkomunikasi yang berkesan bagi menggalakkan perkongsian idea dan pengalaman sesama mahasiswa. Modul Juara Komuniti turut bertujuan untuk melahirkan pemimpin mahasiswa dalam bidang pengurusan dan profesional dengan memberi pendedahan berkenaan ilmu kepimpinan dan penyelesaian masalah semasa (Modul IKP).

Modul Kepimpinan Profesional (Ikon) mempunyai sasaran untuk membentuk ikon dalam kalangan mahasiswa UiTM. Selain itu, mahasiswa turut diberi pendedahan yang jelas berkaitan pemikiran kritis, kriteria tokoh siswa, penyediaan kertas cadangan berkualiti, perancangan program berimpak tinggi dan persediaan membenteng idea secara lebih efektif. Hasil daripada modul ini, mahasiswa akan dapat membuat perancangan yang strategik untuk mengetuai program berskala besar yang mampu memberikan impak yang positif kepada universiti, masyarakat dan negara. Modul ini bermatlamat melahirkan pemimpin mahasiswa yang berkeupayaan merancang, mengetuai dan melaksanakan program berimpak tinggi. Objektif lain modul ini juga adalah untuk membentuk ikon dalam kalangan mahasiswa UiTM. Modul ini disasarkan kepada pemimpin mahasiswa sedia ada atau mana-mana pemimpin mahasiswa yang berpotensi untuk mengetuai penganjuran program-program berimpak tinggi pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Disamping itu, modul ini juga adalah platform terbaik untuk mahasiswa menonjolkan bakat kepimpinan pada peringkat tertinggi (Modul IKP).

Modul Kepimpinan Dinamik pula bertujuan untuk memperkukuh pemahaman bakal pemimpin muda tentang sejarah, aspirasi dan perjuangan di sebalik penubuhan UiTM dan menanam sifat kepimpinan dalam diri pelajar agar mampu menjadi pemimpin yang baik, berdaya saing, mempunyai jati diri yang tinggi serta mampu menerbitkan pembaharuan dan kemajuan bangsa, agama dan negara. Modul ini juga bertujuan untuk menyemai semangat jati diri meliputi elemen kenal diri dan asal usul sebagai benteng kuat untuk menepis anasir-anasir tidak sihat dalam kalangan bakal pemimpin terutamanya cabaran media sosial masa kini serta menjadikan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai teras dalam kepimpinan (Modul IKP).

Sehubungan itu, setiap Kampus UiTM perlu menjalankan modul ini selaras dengan falsafah UiTM yang mana setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara.

Kesemua modul yang dijalankan ini memerlukan sumber kewangan yang besar. Justeru itu, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengetahui sejauh mana modul-modul ini memberi impak kepada pemimpin mahasiswa terutama di UiTM Cawangan Pahang.

Kajian Literatur

Dalam usaha melahirkan pemimpin masa depan yang berminda global dan mampu bersaing di pentas dunia dengan berpegang teguh kepada nilai-nilai universal, berani menerokai segenap peluang dan

keluar daripada zon selesa, kepimpinan mahasiswa hari ini perlu direkayasa dengan sewajarnya (Utusan Malaysia, 2014) dan generasi muda tidak dapat lari daripada hakikat bahawa suatu hari nanti, mereka bakal menjadi seorang pemimpin yang menerajui sama ada sesebuah organisasi kecil sehinggalah ke sebuah negeri atau negara (Utusan Malaysia, 2022).

Oleh itu, kesiapsiagaan yang bermula dari peringkat sekolah, harus dimanfaatkan oleh setiap pelajar dalam melahirkan generasi kepimpinan yang kompetitif dan unggul (Utusan Malaysia, 2014). Sementara itu, kajian-kajian lalu menunjukkan pemimpin adalah penyumbang utama kepada kecemerlangan organisasi. Menurut kajian Roselena (2014), kesedaran pelajar terhadap elemen kemahiran kepimpinan dari sudut kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih-ganti antara ketua pasukan dan anggota pasukan juga adalah tinggi yang mana pelajar faham bahawa aktiviti kokurikulum memberi impak positif dalam meningkatkan kebolehan sikap tanggungjawab mereka kepada suatu tugas yang diberikan kepada mereka.

Faizullah (2015) mengatakan peranan kurikulum semata-mata sangatlah sukar untuk melahirkan insan yang mempunyai keseimbangan yang sempurna, berkepimpinan, berketerampilan dan berdaya saing tetapi kemahiran insaniah adalah menjadi keperluan bagi graduan dan kokurikulum merupakan satu platform serta mempunyai pertalian yang rapat dalam pembentukan kemahiran insaniah. Sehubungan dengan itu, Amin (2012) menerusi kajiannya mengatakan peranan pemimpin organisasi menjadi faktor utama menentukan kualiti dan keberkesanan organisasi tersebut.

Selain itu, program latihan yang dibangun dan dilaksanakan dengan sistematik juga akan memberi faedah jangka pendek dan jangka panjang kepada individu dan organisasi seperti meningkatkan nilai moral, mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan pengurusan perubahan, memberi pengiktirafan dan meningkatkan kualiti sumber manusia (Cole, 2002). Kajian yang dilakukan oleh Hamidah et al. (2004) mengatakan mahasiswa pada dasarnya mempunyai pemikiran yang kritis dan mereka tidak sewajarnya terkongkong dalam dunia akademik sahaja. Mereka juga perlu sensitif terhadap isu-isu semasa. Kehadiran pemimpin yang kompeten iaitu pemimpin yang berpendidikan, mempunyai pengetahuan dan berkeperibadian positif akan mempunyai kemahiran untuk memimpin dengan baik sekaligus dapat menguruskan organisasinya dengan berkesan (Roselena 2014).

Pembangunan profesionalisme pemimpin merupakan inisiatif utama bagi merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan pemimpin sekolah yang berprestasi tinggi. Menurut Ahmad Husin et al. (2021), program berbentuk kepimpinan seperti Program Kelayakan Profesional Pemimpin telah memberi impak positif kepada pemimpin sekolah dalam bidang kokurikulum, penyediaan kemudahan infrastruktur, serta jaringan dan jalinan.

Program berteraskan kepimpinan acap kali dianjurkan institusi-institusi pengajian tinggi kepada para pelajar bagi mendedahkan kepada mereka elemen-elemen kepimpinan. Sifat kepimpinan ini boleh dilihat sebagai salah satu ciri utama yang terkait dengan tahap kecemerlangan seseorang pelajar (Yusof, 2014).

Terdapat beberapa elemen yang dapat dikaitkan dalam sifat kepimpinan tersebut. Berdasarkan Ibrahim, et al. (2018), para responden menyatakan ciri-ciri pemimpin yang ideal merupakan berpengetahuan luas dalam sesuatu bidang, mahir berkomunikasi, dan memiliki peribadi dan fizikal yang meyakinkan. Manakala Cáceres-Reche (2021) mendapati bahawa kepimpinan yang baik adalah bertenaga, berupaya untuk berubah dan beradaptasi mengikut konteks, dan memenuhi objektif, dan secara langsung menjadi wakil yang berjaya dalam kalangan rakan sekerja.

Bagi merealisasikan objektif institut-institut pengajian dalam melahirkan graduan yang berkualiti, pembinaan kecemerlangan diri yang menyeluruh perlu dilaksanakan secara holistik (Hassan & Safar, 2010). Oleh hal yang demikian, pelbagai program yang memupuk ciri-ciri kepimpinan diadakan secara berkala bertujuan bagi mencungkil dan menggilap potensi kepimpinan dalam diri pelajar. Hal ini dinyatakan oleh Yuan et al. (2019) bahawa remaja kebiasaannya tidak tahu mengenai potensi diri mereka sebagai pemimpin dan hanya menyedari potensi tersebut setelah mereka mengetahui dan menganalisis sifat kepimpinan dalam diri mereka. Ibrahim et al. (2018) mendapati bahawa sifat kepimpinan ini boleh dilatih. Yusof (2014) menekankan akan kepentingan membina sifat kepimpinan dalam diri yang perlu didedahkan kepada para pelajar dan memberi mereka peluang bagi mengasah sifat kepimpinan mereka untuk menjadi pelajar yang cemerlang.

Program-program kepimpinan ini perlu dilaksanakan khususnya kepada pelajar berbangsa Melayu kerana dilaporkan memiliki skor yang rendah dalam ciri kepimpinan berbanding bangsa-

bangsa lain. Yusof (2014) mendapati bahawa sifat motivasi dan mempengaruhi bagi pelajar Melayu berada di tangga terakhir berbanding bangsa-bangsa lain. Manakala trait lain contoh seperti sifat transformasi, berwawasan, dan kepintaran emosi meletakkan pelajar Melayu pada kedudukan kedua dan ketiga, sekaligus membuktikan bahawa pelajar Melayu masih kurang menyerlah dalam aspek kepimpinan. Oleh hal yang demikian, elemen-elemen seperti komunikasi, kerja berkumpulan, dan juga penyelesaian masalah sering diterapkan dalam program kepimpinan yang dianjurkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi. Hal ini disokong oleh kenyataan Zulhaimi, et al. (2021) iaitu kepimpinan, komunikasi, dan kerja berpasukan merupakan elemen yang berkait antara satu sama lain.

Melalui program-program kepimpinan yang dianjurkan para pelajar dapat mengenal potensi diri mereka sebagai pemimpin. Setelah itu, mereka akan melihat diri mereka sebagai seorang pemimpin dan lantas akan menambahbaik serta memperluas sifat kepimpinan mereka melalui interaksi sosial dalam persekitaran mereka (Yuan et al. 2019). Program sebegini juga dapat meningkatkan kesamarataan kepimpinan dalam aspek jantina lantas meniadakan stereotaip yang menyatakan pemimpin yang berwibawa hanyalah lelaki. Hal ini dinyatakan oleh Harun, et al. (2023) bahawa kemahiran kepimpinan boleh dipupuk secara sama rata kepada pelajar lelaki dan perempuan. Perkara ini juga turut disokong oleh Cáceres-Reche (2021) yang menyatakan bahawa jantina tidak memainkan peranan dalam fungsi kepimpinan lantas meniadakan secara terus akan pengaruh jantina dalam kepimpinan.

Program kepimpinan ini boleh dilihat sebagai salah satu platform yang berkesan dalam memupuk sifat kepimpinan dalam kalangan pelajar. Hal ini dibuktikan melalui dapatan Zainal Abidin et al. (2021) bahawa pelajar yang telah menyertai program kepimpinan lebih berkeyakinan dalam komunikasi dan melaksanakan tugas, bertanggungjawab, dan inovatif. Yuan et al. (2019) turut menyatakan bahawa remaja yang berpengetahuan serta memiliki maklumat mengenai kepimpinan akan melahirkan kecenderungan untuk memimpin dan melaksanakannya berpotensi untuk menjadi pemimpin pada masa hadapan.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif yang dilakukan secara kuantitatif untuk mendapatkan maklumat dan juga bagi mengenal pasti impak modul kepimpinan pelajar UiTM terhadap pemimpin mahasiswa di UiTM Cawangan Pahang. Dalam menjalankan kajian ini kaedah pengumpulan data adalah menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada peserta setelah tamat setiap modul dan dianalisa menggunakan perisian SPSS 20.0. Borang soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A mengenai maklumat responden, bahagian B mengenai maklumbalas terhadap pengisian program dan bahagian C mengenai impak modul terhadap responden. Ukuran skala likert digunakan dengan 5 item pengukuran iaitu 1 sangat tidak setuju, 2 tidak setuju, 3 tidak pasti, 4 setuju dan 5 sangat setuju bagi setiap soalan di bahagian B dan C. Responden yang dipilih bagi kajian ini adalah para pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang telah menyertai ketiga-tiga modul ini. Teknik persampelan adalah teknik persampelan bertujuan dimana kaedah ini melibatkan pertimbangan individu untuk memilih sampel, iaitu berdasarkan pengetahuan penyelidik dan tujuan khusus penyelidik serta penyelidik menentukan responden yang sesuai dengan tujuan kajian (Noraini, 2013). Jumlah responden adalah seramai 581 orang yang melibatkan peserta yang telah menyertai modul- modul ini dari tahun 2022 hingga 2023. Analisa yang digunakan dalam kajian ini adalah kekerapan dan juga skor min.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Jadual 1.0 menunjukkan data demografik bagi kajian ini. Jumlah responden yang dipilih adalah seramai 581 orang. Sejumlah 36.17% responden adalah lelaki dan 63.86% adalah wanita. Jumlah responden mengikut kampus pula menunjukkan 55.25% adalah dari Kampus Jengka dan 44.75% adalah dari Kampus Raub. Peratusan pelajar peringkat diploma yang menyertai modul ini adalah lebih ramai jika dibandingkan pelajar peringkat ijazah sarjana muda dengan peratusan 70.74% dan 29.26%.

Hal ini demikian kerana bilangan pelajar di UiTM Cawangan Pahang pada peringkat diploma adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pelajar Ijazah Sarjana Muda. Berdasarkan Jadual 1.0 dapat dilihat penglibatan peserta mengikut jawatan yang dipegang dalam organisasi dan persatuan. Peratusan yang paling tinggi menyertai modul ini adalah dalam kalangan Ahli Jawatankuasa iaitu sebanyak 21.17%, manakala yang paling rendah adalah dari kalangan Presiden/Pengerusi/Yang Di Pertua dengan peratusan sebanyak 12.22%. Selain daripada itu, data demografik juga menunjukkan Modul Kepimpinan Dinamik mempunyai peratusan tertinggi iaitu sebanyak 37.86%, diikuti oleh Modul Kepimpinan Juara Komuniti 31.15% dan Modul Kepimpinan Profesional (Ikon) 30.99%.

Jadual 1. Maklumat Demografik Peserta

Perkara		Jumlah (orang)	Peratusan
Jantina	Lelaki	210	36.14
	Perempuan	371	63.86
Peringkat Pengajian	Diploma	411	70.74
	Ijazah Sarjana Muda	170	29.26
Kampus	Jengka	321	55.25
	Raub	260	44.75
Jawatan	Presiden/YDP/Pengerusi	71	12.22
	Naib Presiden/Timbalan/Naib Pengerusi	88	15.15
	Setiausaha	98	16.87
	Bendahari	101	17.39
	Ahli Jawatankuasa	123	21.17
	Tiada Jawatan	100	17.20
	Kepimpinan Profesional (Ikon)	180	30.99
Modul	Kepimpinan Profesional (Juara Komuniti)	181	31.15
	Kepimpinan Dinamik	220	37.86

Jadual 1.1 menunjukkan maklum balas responden terhadap kandungan program kepimpinan pelajar yang telah dijalankan. Skor min bagi kesemua soalan berada pada tahap melebihi 4.0 yang mana menunjukkan kesemua responden bersetuju bagi setiap pernyataan yang dinyatakan. Skor Min keseluruhan adalah 4.06 dan menunjukkan responden bersetuju kandungan modul ini sangat berguna dalam membantu mereka menjadi seorang pemimpin. Pernyataan berkenaan kandungan program dapat meningkatkan kefahaman saya untuk menjadi seorang pemimpin merupakan skor min yang tertinggi iaitu 4.32 dan menunjukkan pengisian program ini dapat membantu diri responden dalam melengkapkan diri menjadi seorang pemimpin mahasiswa di UiTM Cawangan Pahang. Jumlah responden menjawab “setuju dan sangat setuju” merupakan jumlah yang tertinggi bagi semua pernyataan. Daripada jumlah dan skor min ini, dapat dilihat bahawa responden setuju dan sangat bersetuju bahawa kandungan program ini membantu mereka dalam melengkapkan diri sebagai seorang pemimpin mahasiswa. Hal ini juga dapat dilihat daripada jumlah skor min keseluruhan iaitu 4.19 melebihi skala 4.0 iaitu setuju dan sangat setuju.

Jadual 1.1. Maklumbalas Responden terhadap Kandungan Program

Penyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min
Kandungan progam dapat meningkatkan kefahaman saya untuk menjadi seorang pemimpin	38	68	98	197	180	4.32
Program ini memberi impak yang signifikan kepada saya sebagai seorang pemimpin	58	68	90	205	160	4.08
Program ini memberi kesedaran kepada saya tentang peranan saya sebagai seorang pemimpin	20	29	81	264	187	4.17
Program ini dapat mengukuhkan jati diri saya sebagai seorang pemimpin	44	67	59	222	189	4.29
Min Keseluruhan: 4.19						

*STS : Sangat Tidak Setuju, TS : Tidak Setuju, TP: Tidak Pasti, S: Setuju, SS: Sangat Setuju

Jadual 1.2 menunjukkan maklumbalas responden terhadap impak program kepimpinan yang dianjurkan oleh Unit Kepimpinan Pelajar UiTM Cawangan Pahang terhadap prestasi kepimpinan mahasiswa. Nilai skor min keseluruhan adalah 4.23 iaitu diantara setuju dan sangat setuju. Dari nilai keseluruhan min ini dapat ditakrifkan bahawa program ini memberi impak yang baik kepada prestasi kepimpinan mahasiswa di UiTM Cawangan Pahang. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan nilai min bagi kesemua pernyataan adalah di antara 4.0 hingga 5.0 dengan min paling tinggi adalah pernyataan mengenai program ini “menjadikan saya lebih peka dan lantang untuk menyuarakan pendapat sebagai seorang pemimpin” dengan nilai 4.53. Selain itu, impak program ini juga dapat dilihat melalui pernyataan program ini menjadikan saya seorang pemimpin yang berdedikasi dengan nilai min 4.33. Responden bersetuju bahawa program yang dianjurkan ini mampu membentuk nilai kepimpinan dalam diri mereka untuk menjadi seorang pemimpin yang berdedikasi. Jika dilihat dalam Jadual 1.2, nilai min yang paling rendah adalah untuk pernyataan “program ini menjadikan saya seorang pemimpin yang berani” dengan nilai min 4.06. Walaupun nilai min rendah, tetapi nilai tersebut masih lagi berada diantara 4.0 hingga 5.0 iaitu diantara Setuju dan sangat setuju.

Jadual 1.2. Maklum balas Responden Terhadap Impak Program kepada Prestasi Kepimpinan Mahasiswa

Penyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min
Program ini menjadikan saya seorang pemimpin yang tegas	49	51	63	187	231	4.18
Program ini membangunkan daya kreativiti dan pemikiran kritis saya sebagai seorang pemimpin	53	68	42	199	219	4.19
Program ini menjadikan saya lebih peka dan lantang untuk menyuarakan pendapat sebagai seorang pemimpin	68	74	81	122	236	4.53
Program ini menjadikan saya seorang pemimpin yang berani	78	58	111	197	137	4.06

Program ini menjadikan saya seorang pemimpin yang berdedikasi	51	68	125	189	148	4.33
Program ini menjadikan saya seorang pemimpin yang tahu untuk membuat keputusan dengan baik	28	74	99	210	170	4.18
Program ini membentuk jati diri saya sebagai seorang pemimpin	52	87	148	188	107	4.11
Program ini menjadikan saya seorang pemimpin yang mampu menyelesaikan masalah dalam pelbagai cara	41	56	100	203	181	4.22
Secara keseluruhannya program ini meningkatkan prestasi saya sebagai seorang pemimpin mahasiswa	55	87	68	145	226	4.28
Min keseluruhan :4.23						

*STS : Sangat Tidak Setuju, TS : Tidak Setuju, TP: Tidak Pasti, S: Setuju, SS: Sangat Setuju

Kesimpulan

Kepimpinan mahasiswa merupakan elemen yang penting dalam melahirkan modal insan yang bertaraf dunia. Selain itu, elemen kepimpinan di institusi pengajian tinggi perlu diberi penekanan yang sewajarnya kerana mereka ini adalah bakal pemimpin masa depan negara. Hasil kajian ini menunjukkan pengisian modul kepimpinan pelajar yang dianjurkan oleh Unit Kepimpinan Pelajar Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Pahang sangat membantu para pemimpin mahasiswa untuk menjadi seorang pemimpin yang berdedikasi dan mempunyai daya pemikiran yang kreatif dan kritis. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan impak yang diperolehi oleh mereka yang menyertai program ini sangat positif dalam membentuk peribadi dan jati diri seorang pemimpin.

Dalam memastikan UiTM Cawangan Pahang mempunyai mahasiswa yang mempunyai semangat dan kredibiliti sebagai seorang pemimpin unggul, bahagian hal ehwal pelajar perlu menganjurkan program berteraskan kepimpinan dengan lebih kerap dan penekanan terhadap elemen kepimpinan perlu dimasukkan dalam semua aktiviti pelajar yang dianjurkan. Hal ini bagi membolehkan semua pelajar UiTM Cawangan Pahang mendapat pengalaman sendiri bagaimana untuk menjadi pemimpin dalam organisasi.

Secara keseluruhan, objektif kajian ini adalah untuk melihat impak program kepimpinan pelajar terhadap pemimpin mahasiswa di UiTM Cawangan Pahang tercapai melalui hasil kajian yang telah dinyatakan. Pada masa akan datang, kajian ini perlu diteruskan bagi mengenal pasti keberkesanan Program Kepimpinan Pelajar dalam melahirkan modal insan yang bertaraf dunia dan mampu menzahirkan hasrat dan aspirasi UiTM.

Cadangan Penyelidikan Masa Depan

Kajian ini akan diteruskan pada masa akan datang bagi mengetahui sejauh mana modul-modul ini mampu melahirkan pemimpin yang unggul dan mampu bersaing diperingkat yang lebih tinggi.

Sumbangan Pengarang Bersama

Semua penulis mempunyai peranan masing-masing dalam memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan sempurna. Para penulis bertindak sebagai pengutip data, menganalisa data, mencari dan menyiapkan kajian literatur serta memastikan setiap isi kandungan kajian disemak dengan teliti.

Rujukan

- Ahmad bin Hussin, Md. Rahaimi bin Haji Yaacob, Mahazi bin Si Harun, Ruzina binti Jusoh, Zarina binti Md Yassin, Ashfahani binti Zakaria, Noraisah binti Yusoff, Liew Yon Foi, Sham bin Ibrahim, Faizatoen binti Zulkernain, Jamelaa Bibi binti Abdullah, Sathiyabama Subramaniam, Maimunah binti Husien (2021). Impak Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL 2.0) Terhadap Pemimpin Sekolah. *Management Research Journal* Vol. 10 Special Issue (2021), 66-81
- Amin Senin (2012). Pemikiran Semula Pembangunan Kepimpinan Sekolah. *Journal Pentadibran Awam* 55-68.
- Cáceres-Reche, M.P.; López-Gómez, M.; Sadio-Ramos, F.J.; Berral-Ortiz, B.; Martínez-Domingo, J.A. Student Leadership at the University: An Explanatory Model. *Educ. Sci.* 2021, 11, 703. <https://doi.org/10.3390/educsci11110703>
- Cole, G. A. (2002). *Personal and human resource management* (5th ed.). London: York Publisher.
- Ibrahim, R., Hasan, M.R., & Hamid, B.A. (2018). Takrif Kepimpinan, Ciri-Ciri Pemimpin dan Motivasi untuk Memimpin menurut Sudut Pandang Pemimpin Wanita Akar Umbi (Defining Leadership, Leader Characteristics and Motivation to Lead from the Point of View of Women's Leader at Grassroot Level).
- Hamidah A.R, Nik Hasna N.M, Rozeyta O, Salwa A.P, Roziana S, Lily Suriani M.A (2006). Kajian Kesedaran Mahasiswa Terhadap Peranan Dan Tanggungjawab Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPP) Sebagai Wakil Mahasiswa Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Harun, N., Tholibon, D., & Mohd Saat, N. (2023). Pemupukan Kemahiran Kepimpinan Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Terhadap Pencapaian Pelajar Kursus Projek. *Technical and Vocational Education*, 3(1).
- Hassan, J., & Safar, S.A. (2010). Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- Mohd Faizullah Mohamad (2014). Penerapan kemahiran insaniah dalam konteks membina insan Berkeimpinan di kalangan mahasiswa melalui aktiviti Kokurikulum di university Research Seminar UTHM 2014.
- Noraini Idris, (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Edisi Kedua, McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd. hlm., 123
- Roselena Mansor (2015). Kepimpinan Berkualiti: Perspektif mengenai Kompetensi yang Diperlukan untuk Memimpin dengan Berkesan. *Journal Pengurusan* 45 (2015) 143-154.
- Yuan Y, Chen Q, Sun X, Liu Z, Xue G and Yang D (2019). *Development and Preliminary Validation of the Youth Leadership Potential Scale*. *Front. Psychol.* 10:2310. doi: 10.3389/fpsyg.2019.02310
- Yusof, Rorlinda. (2014). Ciri-ciri Kepimpinan Pelajar Pintar dan Berbakat: Implikasi ke atas Kepimpinan Remaja Islam. *International Journal of Islamic Thought*. 6. 57-70. 10.24035/ijit.06.2014.006.
- Zainal Abidin, Mohd Syahidan & Tajuddin, Norashuha. (2021). Keberkesanan Program Kepimpinan Johor Student Leaders Council (JSLC) Tahun 2018-2020. *Journal of Planning Education and Research*, 1. 119. 10.6084/m9.figshare.21901080.
- Zulhaimi, Nurul & Ationg, Romzi & Othman, Irma & Bakar, Anna & Muda, Nurulasyikin & Esa, Mohd & Mokhtar, Saifulazry. (2021). *Pemupukan Kemahiran Kepemimpinan Melalui Projek Berasaskan Kumpulan*, 6. 147-157.
- Utusan.com: <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/merekayasa-kepemimpinan-mahasiswa-1>. <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/golongan-muda-pelapis-pemimpin-masa-depan/> diambil pada 29 November 2023.
- Modul Kepimpinan Pelajar (2021). *Institut Kepimpinan Pelajar*. Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM. Diterbitkan oleh Institut Kepimpinan Pelajar